

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 5 (3)

29 Julai 2026
14 Safar 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 40/2026

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI YANG MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA DI INSTITUSI PENGAJIAN DALAM NEGARA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 143 pada 12 Jun 2026 telah bersetuju menerima pakai Surat Edaran daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), JPA.(S)600-1/7/69 (12) bertarikh 22 Disember 2025 berkenaan Penambahbaikan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian SR.5.2.5: Kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada Pegawai yang Mengikuti Pengajian Secara Separuh Masa di Institusi Pengajian Dalam Negara.

2. Sebagaimana semua telah sedia maklum, peraturan mengenai pemberian kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) kepada pegawai awam yang mengikuti pengajian secara separuh masa telah diperuntukan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian SR.5.2.5.

3. Bagi memastikan pelaksanaan pemberian kemudahan CTR ini adalah selari dengan perkembangan semasa, peraturan berkaitan kemudahan CTR bagi pegawai awam yang mengikuti pengajian secara separuh masa telah ditambah baik seperti berikut:

- i) Jenis pengajian yang dibenarkan diperluaskan kepada pengajian secara separuh masa yang diiktiraf;
- ii) Kategori pegawai yang layak diperjelaskan mengikut ketetapan dalam Ceraian tersebut;
- iii) Permohonan mengikuti pengajian dan permohonan CTR hendaklah mendapat kelulusan Ketua Jabatan menggunakan borang SR.5.2.5(A) dan SR.5.2.5(B);
- iv) CTR diberi mengikut tempoh sebenar kursus intensif tertakluk kepada maksimum 30 hari dalam satu tahun kalendar;
- v) CTR hanya meliputi kursus intensif, tidak termasuk hari perjalanan, hari kelepasan am atau peperiksaan; dan
- vi) Kemudahan tertakluk kepada maksimum dua kali pengajian secara separuh masa sepanjang tempoh perkhidmatan dan bukan merupakan hak mutlak pegawai.

4. Sehubungan dengan itu, Ceraian SR.5.2.5 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia berkenaan kemudahan cuti tanpa rekod kepada pegawai yang mengikuti pengajian secara separuh masa di institusi pengajian dalam negara boleh dirujuk dan dicapai melalui portal MyPPSM di laman web rasmi JPA untuk pencerahan dan perincian berkaitan perkara ini. Tarikh kuat kuasa pemakaian penambahbaikan kemudahan cuti tanpa rekod ini adalah pada **1 Januari 2026**. Seluruh warga Universiti dimohon mengambil maklum berkaitan penambahbaikan kemudahan cuti tanpa rekod ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah